



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS KEFUNGSIAN RENDAH**

Pendidikan Sahsiah

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
Sekolah Menengah**



**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS KEFUNGSIAN RENDAH**

Pendidikan Sahsiah

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Sekolah Menengah

Bahagian Pembangunan Kurikulum

Terbitan 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	Vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah	3
Fokus	4
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas Kefungsian Rendah	4
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	7
Elemen Merentas Kurikulum.....	16
Rancangan Pendidikan Individu	19
Pelaksanaan Mata Pelajaran Teras.....	21
Pentaksiran Sekolah.....	22
Tahap Penguasaan Umum	24
Kemajuan Aktiviti Intervensi	25
Tahap Penguasaan Keseluruhan	27
Organisasi Kandungan.....	27
Kandungan Pendidikan Islam	
Kemahiran Meningkatkan Perkembangan Fizikal.....	30
Kemahiran Meningkatkan Perkembangan Sosial Emosi yang Sihat.....	31

Kemahiran Meningkatkan Pembangunan Jati Diri dan Rohani.....	32
Kemahiran Meningkatkan Kesedaran Kendiri (<i>Self-Awareness</i>).....	33
Kemahiran Meningkatkan Kemahuan Memperbaiki Diri Sendiri (<i>Self-help</i>).....	34
Kemahiran Meningkatkan Tanggungjawab Sosial.....	35
Kemahiran Membangunkan Kerjaya.....	36
Kemahiran Mengerjakan Solat.....	37
Kemahiran Meningkatkan Kebersihan Diri.....	38
Kandungan Pendidikan Moral	
Kemahiran Meningkatkan Perkembangan Fizikal.....	40
Kemahiran Meningkatkan Perkembangan Sosial Emosi yang Sihat.....	41
Kemahiran Meningkatkan Pembangunan Jati Diri dan Rohani.....	42
Kemahiran Meningkatkan Kesedaran Kendiri (<i>Self-Awareness</i>).....	43
Kemahiran Meningkatkan Kemahuan Memperbaiki Diri Sendiri (<i>Self-help</i>).....	44
Kemahiran Meningkatkan Tanggungjawab Sosial.....	45
Kemahiran Membangunkan Kerjaya.....	46
Kemahiran Membangunkan Kerohanian Melalui Agama Atau Kepercayaan.....	47
Kemahiran Menghargai Keluarga.....	48
Panel Penggubal	49
Penghargaan	50



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU (A) 531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017. KSSMPK digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijemakan dalam KSSMPK menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSMPK, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSMPK. Semoga pelaksanaan KSSMPK akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMAD BIN ABU BAKAR
Pegarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) memberi fokus kepada keupayaan dan potensi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari pelbagai kategori dan kefungsiannya. Semua MBK dalam kategori Ketidakupayaan Pendengaran, Ketidakupayaan Penglihatan, Masalah Pembelajaran, Ketidakupayaan Fizikal, Ketidakupayaan Pertuturan dan Ketidakupayaan Pelbagai mempunyai ruang dan peluang yang sama untuk mengikuti KSSMPK (Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013)).

KSSMPK Kefungsian Rendah merangkumi empat mata pelajaran teras dan lima mata pelajaran kemahiran vokasional. Mata pelajaran teras disediakan dalam bentuk Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan kemahiran vokasional pula disediakan dalam bentuk dokumen kurikulum mata pelajaran kemahiran.

Kumpulan mata pelajaran teras adalah bertujuan untuk menyediakan MBK kefungsiannya rendah dengan pengetahuan dan kemahiran mengurus diri, mengamalkan gaya hidup sihat, berkomunikasi dan membentuk sahsiah yang positif. Manakala mata pelajaran kemahiran memberi fokus kepada usaha

mengembangkan bakat dan potensi murid supaya dapat mengamalkan kemahiran yang diperoleh dalam menjalani kehidupan harian.

Kumpulan MBK berkefungsiannya rendah ini mempunyai kompleksiti ketidakupayaan yang memberi kesukaran dalam berkomunikasi dan menjalani kehidupan harian. Guru perlu menghubungkan kait aktiviti intervensi domain bagi mempertingkatkan kesediaan MBK untuk menguasai kemahiran dalam Standard Pembelajaran (SP).

KSSMPK Kefungsian Rendah Pendidikan Sahsia menekankan kemahiran MBK meningkatkan perkembangan fizikal, emosi, jati diri, advokasi diri dan tanggungjawab sosial. MBK dapat meningkatkan keupayaan diri untuk berdikari sebagai persediaan ke alam kerjaya.

Pentaksiran KSSMPK Kefungsian Rendah Pendidikan Sahsia mengukur potensi MBK secara holistik melalui kesepaduan kemajuan dalam aktiviti intervensi dan aktiviti pembelajaran melalui Standard Prestasi. Pencapaian melalui aktiviti pentaksiran dapat dikongsi dengan ibu bapa bagi meningkatkan keupayaan MBK mengurus kehidupan harian.

MATLAMAT

KSSMPK Kefungsian Rendah Pendidikan Sahsia bermatlamat untuk menyediakan murid berkeperluan khas dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang membolehkan mereka mengurus kehidupan, berdikari dan bersikap positif, berupaya berkomunikasi dan bersosialisasi serta mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan.

OBJEKTIF

KSSMPK Kefungsian Rendah Pendidikan Sahsia membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengurus diri bagi membentuk identiti dan imej sendiri yang positif serta bertanggungjawab terhadap diri dan persekitaran;
2. Mengurus rutin harian dengan betul dan selamat;
3. Mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan harian;
4. Menjaga kesihatan fizikal dan emosi;
5. Mengaplikasi kemahiran berkomunikasi dalam kehidupan harian;
6. Mengawal tingkah laku dan sosio-emosi dalam pelbagai situasi;
7. Menjaga keselamatan diri dalam pelbagai situasi;
8. Mengaplikasi kemahiran akademik berfungsi dalam rutin dan kehidupan harian; dan
9. Meningkatkan kesediaan untuk menghadapi alam kerjaya;

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSMPK Kefungsian Rendah digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka KSSM

FOKUS

KSSMPK Kefungsian Rendah secara umum memberi fokus untuk melahirkan MBK yang boleh berdikari dan menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Hasrat ini dapat dicapai melalui kesepaduan aspek pengurusan diri, pengurusan tingkah laku, sosio-emosi, kemahiran psikomotor, kemahiran bersosialisasi dan kemahiran akademik berfungsi. Fokus utama KSSMPK Kefungsian Rendah Pendidikan Sahsiah adalah untuk meningkatkan keyakinan diri MBK dalam mengurus diri, menjaga penampilan diri dan mengamalkan nilai murni dan amalan dalam agama dan kepercayaan.

KERANGKA KONSEP KURIKULUM KEFUNGSIAN RENDAH

Reka bentuk KSSMPK Kefungsian Rendah merupakan kesepaduan komponen dalam empat mata pelajaran teras dan aspek perkembangan domain melalui enam dimensi kemahiran dalam Rajah 2. Kesepaduan ini dapat membantu meningkatkan keupayaan MBK berkefungsian rendah dalam memaksimumkan halangan mereka untuk belajar disebabkan kerumitan dan kompleksiti ketidakupayaan yang di alami mereka.

Kerangka Kurikulum MBK Kefungsian Rendah (Rajah 2) berfokus kepada enam dimensi kemahiran iaitu Komunikasi (D1), Berfikir (D2), Sensori (D3), Kehidupan Harian (D4), dan Akademik Berfungsi (D5) dan Berdikari (D6). Enam dimensi kemahiran ini merupakan kemahiran utama yang perlu disepadukan dalam Standard Pembelajaran (SP) keempat-empat mata pelajaran teras KSSMPK Kefungsian Rendah. Kesepaduan ini dilaksana secara serentak dan berterusan dalam proses pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran Pendidikan Sahsiah seperti yang digambarkan dalam Rajah 2.

Setiap dimensi kemahiran ini saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain dalam membentuk perkembangan individu secara holistik. Enam dimensi kemahiran tersebut, dapat meningkatkan potensi dan perkembangan domain MBK berkefungsian rendah melalui penggabungjalinan aktiviti pembelajaran dan aktiviti intervensi serta transisi.

Guru perlu mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif melalui elemen komitmen, strategi, diagnostik dan prestasi sebagai asas kepada persekitaran pembelajaran kondusif seperti yang digambarkan di dalam Rajah 2

Persekitaran pembelajaran kondusif tidak hanya bergantung kepada kemudahan prasarana bilik darjah tetapi juga melibatkan suasana dan budaya sekolah yang positif. Persekitaran ini boleh diwujudkan melalui kerjasama pelbagai pihak termasuk ibu bapa, pakar pasukan multi-disiplin, warga sekolah dan komuniti setempat. Kesefahaman dan kerjasama semua pihak dapat memastikan perancangan dan pelaksanaan PdP adalah seperti yang dihasratkan kurikulum. PdP perlu mensasarkan pelibatan dan penyertaan MBK dalam pelbagai program di sekolah dan komuniti secara aktif tanpa diskriminasi.

Sokongan Persekitaran

Kerjasama daripada ahli keluarga dan komuniti secara kolaboratif dengan kesefahaman dan berkongsi hala tuju yang sama dapat menggalakkan proses perkembangan domain dan PdP. Perkongsian maklumat bersama pihak ibu bapa dan komuniti dapat membantu guru menyediakan aktiviti intervensi yang bersesuaian. Kerjasama ahli pasukan multidisiplin (MDT) membantu guru membina aktiviti intervensi dan transisi melalui pembentukan Rancangan Pendidikan Individu (RPI).


Kesediaan MBK berkefungsian rendah dapat dipertingkatkan untuk mengikuti PdP dengan lebih berkesan. Kesiediaan MBK

boleh diukur melalui kemahiran MBK dalam mengurus tingkah laku, emosi dan sensori mereka dengan baik. MBK dapat memberikan tumpuan semasa pembelajaran di dalam bilik darjah apabila mereka tidak mempunyai isu pengurusan tingkah laku yang serius. Situasi ini membantu MBK berkefungsian rendah untuk menguasai pembelajaran dengan lebih baik.

Kesediaan MBK

Maklumat kekuatan dan kelemahan murid dapat membantu guru dalam menentukan strategi dan kaedah PdP dan alat bantu belajar yang bersesuaian kepada murid. Aktiviti pembelajaran, intervensi dan transisi yang dibina berasaskan enam dimensi kemahiran seperti yang digambarkan dalam Rajah 2 dapat meningkatkan keupayaan MBK berkefungsian rendah untuk mengurus diri dan seterusnya berupaya memberi tumpuan pada PdP.

Apabila MBK lebih bersedia untuk belajar, mereka dapat memberi tumpuan dan minat kepada aktiviti pembelajaran berdasarkan Standard Pembelajaran (SP) untuk mencapai Standard Presatsi (SPi) yang telah ditetapkan. Guru juga perlu memberi perhatian kepada komplikasi kesihatan yang dialami oleh kebanyakan MBK berkefungsian rendah. Sokongan intervensi dan transisi secara berterusan perlu disediakan bagi memastikan pencapaian dan kemajuan yang dicapai murid sentiasa ditingkatkan.



Rajah 2: Kerangka Konsep KSSMPK Kefungsian Rendah

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kesepaduan aktiviti intervensi dan PdP melibatkan enam dimensi kemahiran iaitu Komunikasi (D1), Berfikir (D2), Sensori (D3), Kehidupan Harian (D4), dan Akademik Berfungsi (D5) dan Berdikari (D6) perlu dilaksanakan menggunakan kaedah PdP yang kreatif dan inovatif berasaskan intervensi. PdP perlu memberi ruang kepada MBK untuk menyertai pelbagai aktiviti secara aktif dan dibenarkan membuat kesilapan, membetulkan kesilapan tersebut dan membuat perkara berulang kali mengikut keperluan individu.

Jadual 1 menyenaraikan cadangan aktiviti dimensi kemahiran pada dua tahap iaitu Tahap I dan Tahap II. Pembahagian tahap ini adalah untuk membantu guru memberikan fokus yang lebih jelas terhadap objektif aktiviti untuk peringkat awal dan akhir persekolahan. Tahap I dan II juga menjelaskan kemahiran mengikut peningkatan iaitu bermula pada peningkatan sendiri, peningkatan kemahiran komunikasi, interaksi dan seterusnya membina hubungan dengan ahli keluarga, rakan dan komuniti. Walau bagaimanapun guru masih boleh melaksanakan aktiviti secara terbuka tanpa mengira Tahap I dan Tahap II mengikut kesesuaian potensi murid.

Jadual 1: Cadangan Aktiviti Dimensi Kemahiran

DIMENSI	TAHAP I	TAHAP II
D1: Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> Memahami kemahiran asas komunikasi Memahami jenis komunikasi lisan dan bukan lisan Menguasai kompetensi literasi dan numerasi berfungsi untuk berkomunikasi Mengurus tingkah laku secara positif semasa berkomunikasi Menjadikan komunikasi sebagai rutin harian Memberi respon secara komunikasi seluruh Melibatkan diri dalam komunikasi secara 2 hala 	<ul style="list-style-type: none"> Berkomunikasi di tempat kerja dan dalam komuniti setempat Berinteraksi dengan rakan sekerja dan pelanggan serta jiran tertangga Mengamalkan adab semasa berkomunikasi Mengamalkan sikap positif semasa berkomunikasi Membina hubungan di tempat kerja dan dalam komuniti setempat melalui komunikasi berkesan Menggunakan teknologi sebagai medium berkomunikasi berkesan Mengamalkan amalan komunikasi seluruh melibatkan kemahiran bertutur, membaca,

DIMENSI	TAHAP I	TAHAP II
	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan isyarat, simbol, gambar, badan dan perkataan dalam komunikasi. Memberi tumpuan dan perhatian secara visual dan oral (<i>auditory attention</i>) Mengaplikasi kemahiran Praturutur Mengenali dan menghormati individu (guru, rakan, ahli keluarga) apabila berkomunikasi Berinteraksi dan membina hubungan semasa berkomunikasi Mengawal emosi dan tingkah laku semasa berkomunikasi Berkomunikasi mengikut konteks (Contohnya menyatakan ya/tidak atau setuju/tidak setuju) 	<p>mendengar dan menaakul.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengaplikasi strategi berkomunikasi dengan pelbagai matlamat (contohnya menyatakan pandangan, menyatakan persetujuan atau menolak dan lain-lain) Mengaplikasi pelbagai mod komunikasi di tempat kerja [contohnya melalui emel, surat, memo, talipon, papan kenyataan, pengumuman lisan Memahami rutin dalam berkomunikasi (<i>the Do and Don't in Communication</i>) Membina imej positif dan penampilan diri positif semasa berkomunikasi

DIMENSI	TAHAP I	TAHAP II
D2: Berfikir	<ul style="list-style-type: none"> Menyedari dan peka kepada persekitaran Menyedari kekuatan dan kelemahan diri (<i>self-awareness</i>) Meningkatkan minat dan memberi perhatian kepada keadaan sekeliling dan diri (<i>self-interest</i>) Mengekspresi perasaan dan apa yang difikirkan Memberi perhatian kepada masa, tugas dan maklumat. Mempertingkatkan koordinasi mata, kaki tangan dan sensori untuk merangsang otak Mempertingkatkan keupayaan mengurus diri sendiri, mengikut rutin harian dan mengurus peralatan Memastikan kawalan motor kasar dan 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan minat terhadap sesuatu benda dan aktiviti Meningkatkan keperhatian terhadap keadaan sekeliling (sama ada bunyi atau cahaya) dan tiada reaksi tidak terkawal Menggunakan '<i>prompts</i>' melalui aktiviti seperti 'hand over hand', modelling dan visual klu Mengaplikasi teknologi (<i>assistive devices</i>) untuk meningkatkan minat dan tumpuan Menggunakan sokongan visual seperti gambar, symbol, objek rujukan, isyarat dan <i>gestures</i> untuk menarik minat dan meningkatkan daya ingatan Mengaplikasi kaedah multi-sensori dalam meningkatkan tumpuan murid. Mengaplikasi kemahiran memahami

motor halus bagi meningkatkan daya ingatan.	dan mematuhi arahan dan peraturan.
<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan tumpuan dan fokus dalam suatu perkara dan benda. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan Intervensi untuk meningkatkan daya ingatan contohnya dalam mematuhi arahan

<ul style="list-style-type: none"> Membaca dengan kuat Dialog Mendengar rakaman audio Penggunaan Talipon Mendengar muzik 	<ul style="list-style-type: none"> Memahami 2 keadaan keperluan sensori: <ul style="list-style-type: none"> Kepekaan melampau Kepekakaan rendah Meningkatkan keupayaan murid untuk mengawal sensori mereka melalui aktiviti intervensi Bekerjasama dengan pihak pasukan multidisiplinari dalam aktiviti intervensi
<ul style="list-style-type: none"> Memahami elemen visual: <ul style="list-style-type: none"> Kod warna Visual Organiser Melukis untuk menerangkan suatu idea Imej Pameran poster dan hasil kerja murid Mempertingkatkan kemahiran MBK memproses maklumat melalui pendengaran dan penglihatan. Mempertingkatkan kemahiran manipulasi objek melalui sentuhan (sentuhan fizikal) 	

DIMENSI	TAHAP I	TAHAP II
D3:		
Sensori	<ul style="list-style-type: none"> Memahami konsep pembelajaran sensori secara VAK (<i>Visual, Auditory & Kinesthetic</i>) Memahami elemen kinaesthetic <ul style="list-style-type: none"> Bergerak (moving around) Menukar tempat duduk Menyentuh & memegang objek Pergerakan mengikut turutan Tugasan secara <i>hands-on</i> / praktikal Main peranan Memahami elemen auditori: <ul style="list-style-type: none"> Perbincangan secara lisan Penerangan rakan sebaya 	<ul style="list-style-type: none"> Memahami 3 mod arahan secara multisensori: <ul style="list-style-type: none"> Visual Auditori Sensori-motor Memahami peranan dan fungsi sistem sensori Memahami gaya pembelajaran murid Meningkatkan pengalaman dan rangsangan sensori melalui pelbagai aktiviti sensori Mengurangkan isu sensori (over sensitive) yang mengganggu tumpuan murid untuk belajar

DIMENSI	TAHAP I	TAHAP II
D4: <u>Kehidupan Sehari-hari</u>	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kemahiran kehidupan: <ul style="list-style-type: none"> Kebersihan dan penampilan diri Keselamatan diri Penjagaan rumah Memasak untuk diri dan keluarga Membeli keperluan harian Rekreasi Meningkatkan kemahiran merancang aktiviti harian melalui penggunaan jadual Memastikan murid memahami hak dan tanggungjawab mereka Meningkatkan keyakinan diri murid melalui kemahiran advokasi diri. Meningkatkan kemahiran murid untuk berinteraksi dengan ahli keluarga, rakan sebaya dan komuniti setempat 	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan aktiviti harian tanpa bantuan orang lain sepenuhnya Mengaplikasi kemahiran berkomunikasi dalam membina hubungan sosial dengan pelbagai lapisan komuniti Merancang penyediaan makanan mengikut waktu (makan pagi, tengahari, minum petang dan makan malam) bagi diri sendiri dan ahli keluarga Mengurus jadual harian, mingguan atau bulanan dengan berkesan Mengurus sumber kewangan dengan baik samada secara harian atau mingguan Memahami peranan diri dalam keluarga dan masyarakat Memahami peranan sebagai seorang dewasa

<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan pelibatan murid dalam pelbagai aktiviti Meningkatkan kemahiran murid untuk mengurus tingkah laku dan emosi Mengaplikasi konsep applied behaviour analysis (ABA) bagi pengurusan tingkah laku positif Meningkatkan potensi dan keupayaan murid dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> <i>Independence</i> <i>Self-Awareness</i> <i>Self-Advocacy</i> <i>Social Interaction</i> <i>Communication</i> Mengenali dan membezakan antara kawan, kenalan dan orang asing yang tidak dikenali 	<ul style="list-style-type: none"> Membina hubungan yang sihat dengan rakan, keluarga dan masyarakat Melakukan rekreasi dan menjaga kesejahteraan diri untuk sihat dan gembira Membina kerjasama dengan ahli keluarga, rakan sebaya dan komuniti setempat Mengetahui tindakan yang perlu diambil apabila berada dalam pelbagai situasi seperti semasa mengalami kesusahan dan perlu memohon bantuan, mengawal perasaan marah, kecewa dan sebagainya
--	---

DIMENSI	TAHAP I	TAHAP II
D5: Akademik Berfungsi	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran matematik berfungsi meliputi: <ul style="list-style-type: none"> - Mengurus masa - Pengetahuan nilai wang - Mengurus wang - Mengurus perbelanjaan harian • Kemahiran membaca merangkumi pelbagai keupayaan: <ul style="list-style-type: none"> - Mengenali dan memahami simbol, gambar dan maklumat visual dan bergambar • Kemahiran mendengar, membaca dan menulis dalam pelbagai situasi dan contoh membuat pesanan semasa di restoren • Kemahiran bersosial melalui interaksi dan hubungan dengan pelbagai individu dan kumpulan individu 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengaplikasi teknologi ICT untuk meningkatkan pengetahuantentang isu dan peristiwa semasa dan terkini • Mengaplikasi teknologi ICT untuk meningkatkan pengetahuan dalam memahami maklumat aktiviti dan tarikh mengikut kalendar • Mengaplikasi teknologi ICT meningkatkan pengetahuan mengenai tempat menarik di dalam dan luar negara • Mengaplikasi teknologi ICT dalam melakukan aktiviti harian • Melibatrkan diri secara aktif dalam kerja sosial dan aktiviti sukarelawan • Mneingkatkan kemahiran akademik berfungsi dalam aspek literasi: <ul style="list-style-type: none"> - Simbol & ikon keselamatan

	<ul style="list-style-type: none"> • Mengamalkan adab sopan dan etika dalam bersosial • Menhubung kait kefahaman sains yang mempengaruhi kehidupan harian • Mengetahui fenomena alam dalam kehidupan harian 	<ul style="list-style-type: none"> - Environmental signs - Maklumat peribadi - Membaca menu dan peta, tujuk arah ke restoren (konsep jarak) - Membaca & memahami iklan - Menulis arahan bertulis yang ringkas - Membaca dan mengikut arahan serta meneliti jadual - Menggunakan Internet (kemahiran melayar)
DIMENSI	TAHAP I	TAHAP II
D6: Berdikari	<ul style="list-style-type: none"> • Menjaga penampilan diri: <ul style="list-style-type: none"> - Mengenali diri dengan maklumat lengkap diri dan keluarga (<i>Personal Information</i>) - Mengena pakaian dengan betul dan tanpa bantuan - Mengikat tali kasut dengan betul 	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kemahiran bergerak dengan minimum isu orientasi & mobiliti dalam pelbagai situasi seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Pergerakan di dalam dan di luar kawasan rumah - Pergerakan dalam kawasan kejiranan (ke pejabat pos, ke masjid, ke bank dan sebagainya)

<ul style="list-style-type: none"> - Mengena dan undressing secara berhemah - Mampu memilih fesyen pakaian dengan sendiri • Menjaga kebersihan diri merangkumi aspek: <ul style="list-style-type: none"> - Tahu menggunakan tandas dengan baik - Menjaga kebersihan tandas dan bilik sendiri. - Membersihkan diri dan mengosok gigi tanpa bantuan - Menggunakan kemudahan yang disediakan di tandas dengan baik. - Menjaga adab di tandas - Menggunakan peralatan mandi • Mengaplikasi cara makan dan minum dengan mengamalkan kemahiran berikut: 	<ul style="list-style-type: none"> - Melancong ke dalam dan luar negara. - Menziarahi rumah sanak-saudara dan rakan. • Meningkatkan kemahiran advokasi diri untuk berupaya melakukan pelbagai perkara dalam kehidupan harian seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Menyatakan hak dan perasaan - Meminta bantuan dan bimbingan - Bertanggungjawab menyiapkan tugas yang diberi - Memohon sesuatu - Membuat aduan, pertanyaan dan memberi kritikan • Meningkatkan kemahiran sosial yang relevan seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Memahami personal space (ruang sendiri) - Memberi respons dan berinteraksi dengan baik 		<ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan sudu dan garpu - Menuangkan minuman tanpa bantuan - Menghidangkan makanan dan minuman dengan baik - Menjaga adab semasa makan - Makan dan minum dengan tidak mengotorkan diri sendiri - Memastikan tempat makan bersih dan kemas. - Menggunakan pelbagai perkakasan dapur dengan baik • Berupaya memasak dan menyediakan hidangan masakan dengan menggunakan kemahiran seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Mengenali dan memahami fungsi perkakasan dapur dan peralatan memasak - Menjaga keselamatan diri 	<ul style="list-style-type: none"> - Mengambil giliran dan mematuhi peraturan - Membina dan mengekalkan hubungan baik antara rakan, guru dan ahli keluarga - Memainkan peranan sebagai anak, rakan, adik, abang atau kakak yang baik • Menjaga kesihatan diri dan boleh bertindak apabila sakit atau mengalami kecemasan atau kemalangan • Mengurus wang dan boleh berbelanja dan menyimpan dengan sendiri tanpa mengharap bantuan • Mengaplikasi kemahiran dalam Transisi ke Kerjaya
--	--	--	--	---

Perkembangan kognitif MBK berkefungsian rendah tidak selari dengan perkembangan fizikal (mengikut umur). Namun bagi persediaan murid untuk menghadapi alam dewasa dan kerjaya, guru perlu menyediakan murid dengan kemahiran mengikut umur fizikal murid. Kemahiran mengurus kehidupan sebenar dan kemahiran vokasional yang relevan sebagai persediaan untuk murid menempuh alam kerjaya dengan sokongan keluarga dan komuniti perlu disediakan.

Guru boleh mengintegrasikan cadangan aktiviti di Jadual 1 dengan strategi PdP sedia ada seperti berikut:

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevanan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan harian.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan proses PdP yang berasaskan inkuiri. Strategi ini memerlukan murid untuk memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiasatan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu. Projek yang dijalankan adalah untuk menyiasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses penyiasatan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

Belajar Melalui Bermain

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses PdP bagi MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB menggalakan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin tahu, penguasaan

kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi. Ciri-ciri belajar melalui bermain (BMB) adalah seperti berikut:

- Aktiviti yang menyeronokkan
- Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran
- Permainan bebas dan terancang
- Keanjalan masa
- Percubaan idea sendiri
- Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian

Pendekatan Bertema

Pendekatan Bertema (PB) digunakan dalam proses PdP murid. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid melibatkan:

- Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran
- Pemilihan tajuk tema berasaskan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa
- Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik
- Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran
- Pemingkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus

Pemilihan tema pula perlu mengambil kira:

- Kesesuaian dengan kehidupan murid
- Peluang untuk mengapikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain
- Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah
- Sumber yang mudah diperoleh
- Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid

Pembelajaran Pengalamian

Pendekatan Pembelajaran Pengalamian merupakan satu kaedah di mana MBK diberi peluang melalui situasi sebenar semasa aktiviti PdP dijalankan. Pendekatan ini membantu murid meningkatkan keupayaan sendiri mereka. Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

- Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran
- Menjelaskan peranan murid dalam tugas
- Menyediakan sumber untuk proses pembelajaran
- Melakukan simulasi untuk proses pembelajaran

- Memberi fokus yang sama bagi komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran
- Menyediakan satu persekitaran bagi membolehkan guru dan murid berkongsi perasaan dan pemikiran secara bebas
- Menempatkan murid dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baru atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman lalu

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

- Memperoleh pengalaman sebenar
- Meningkatkan kecergasan dan perkembangan fizikal
- Bersosialisasi dan berkomunikasi
- Melaksanakan aktiviti yang menggembirakan
- Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran
- Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang

Antara aktiviti di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan/kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli. Namun begitu, dalam melaksanakan PdP guru perlu mengambil kira keupayaan

MBK dengan menerapkan elemen intervensi yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang meningkatkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiri secara a bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);

- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen penggunaan dan pengeluaran lestari, kewarganegaraan global dan perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti wang

yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

11. Intervensi dan Transisi

- Aktiviti intervensi yang dirancang dalam Rancangan Pendidikan Individu perlu dilaksanakan secara bersepadu dalam PdP mengikut kesesuaian masa dan tempoh yang dipersetujui bersama pihak sekolah dan ibu bapa.
- Modul Transisi ke Kerjaya boleh digunakan untuk menentukan aktiviti transisi yang bersesuaian untuk dilaksanakan secara bersepadu dalam aktiviti SP mata pelajaran teras.

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 telah menjelaskan bahawa Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah rekod yang melaporkan butiran rancangan pendidikan berasaskan kepada potensi individu MBK. Guru perlu mengenal pasti keupayaan dan kelemahan murid melalui ujian diagnostik secara lisan, penulisan dan pemerhatian. Perbincangan bersama pihak ibu bapa, penjaga dan juga pasukan pelbagai disiplin seperti psikologis, audiologis, terapis pertuturan, terapis cara kerja dan sebagainya juga perlu diadakan bagi membantu guru merancang aktiviti intervensi yang mampu meningkatkan kesediaan murid untuk belajar dengan lebih baik.

Kolaboratif antara ibu bapa dan kumpulan pasukan pelbagai disiplin amat penting dalam menentukan aktiviti intervensi yang bersesuaian berdasarkan kepada masalah ketidakupayaan MBK. Aktiviti intervensi seperti latihan pertuturan, kawalan emosi dan tingkah laku boleh membantu murid meningkatkan tumpuan, minat dan perhatian kepada pembelajaran di dalam bilik darjah. Pada masa yang sama RPI membantu guru merancang strategi PdP yang bersesuaian dengan keupayaan MBK sama ada dalam akademik mahu pun kemahiran.

RPI memberi banyak faedah kepada MBK seperti berikut:


- Mengalakkan pelibatan semua pihak berkenaan untuk berkomunikasi, berkolaborasi dan berkongsi laporan bagi meningkatkan pencapaian MBK;
- Berkongsi maklumat penilaian berterusan yang lebih bermakna;
- Mengambil kira semua pandangan dari semua individu terlibat secara langsung;
- Mengenal pasti kekuatan pembelajaran dan penetapan prioriti objektif dan sasaran pembelajaran seterusnya;
- Menyediakan forum dan medium untuk penjelasan mengenai harapan atau ekspektasi setiap individu terlibat;
- Menggalakkan kerja secara berpasukan dalam merancang dan melaksana kurikulum;
- Membantu untuk menentukan kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai dan berkesan;
- Mengenal pasti keperluan khidmat sokongan samada perkhidmatan kepakaran intervensi dan habilitasi atau penggunaan peralatan khas; dan
- Mengiktiraf dan meraikan kemajuan individu murid walau pun pencapaian yang kecil

Pihak sekolah perlu menyediakan ruang masa dan peluang kepada guru untuk merancang, membina, menyelaras dan memantau kemajuan murid berdasarkan laporan RPI. Tindakan susulan boleh diambil dalam mempertingkatkan strategi PdP dan menyediakan bahan bantu belajar yang lebih berkesan. Laporan RPI boleh membantu guru dalam menambahbaik PdP. Berdasarkan maklumat RPI tersebut aktiviti intervensi dan pembelajaran ditentukan bersesuaian dengan potensi dan keupayaan murid. Aktiviti intervensi dan pembelajaran digabungkan berdasarkan kepada Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang relevan.

PELAKSANAAN MATA PELAJARAN TERAS

Aktiviti dalam enam dimensi kemahiran dalam Rajah 1 disepadukan dengan aktiviti pembelajaran berdasarkan Standard Pembelajaran (SP) yang ditetapkan dalam empat mata pelajaran teras seperti di Rajah 3. Secara holistik pelaksanaan PdP bagi empat mata pelajaran teras iaitu Pengurusan Kehidupan, Pendidikan Sahsiah, Komunikasi dan Pendidikan Seni & Kesejahteraan perlu dilihat secara bersepadu dan saling berkait. Terdapat aktiviti yang sama boleh dilaksanakan untuk mencapai SP yang berbeza bagi mata pelajaran yang berbeza. Guru boleh kelompokkan beberapa SP yang bersesuaian dalam bentuk modular mewakili unit kompetensi tertentu.

Kesepaduan pelbagai aktiviti PdP dan intervensi digambarkan dalam Rajah 3 melalui gabungan SP secara modular. Aktiviti dilaksanakan secara fleksibel dan terbuka tanpa perlu mengikut tahun persekolahan. Bagi membantu guru menstruktur aktiviti PdP dengan lebih sistematik, modul transisi boleh digunakan mengikut kesesuaian tahap perkembangan individu murid. Aktiviti PdP yang disusun secara modular dapat memberi ruang bagi MBK untuk terlibat secara aktif mengikut kematangan, kedewasaan dan keperluan setempat dalam persediaan ke kerjaya dan alam dewasa.



Rajah 3: Pelaksanaan Mata Pelajaran Teras KSSMPK Kefungsian Rendah

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru. Proses ini berlaku secara berterusan sama ada formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (localised). Maklumat yang diperolehi dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan untuk meningkatkan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan sebahagian daripada PS. PBD menyediakan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru. Proses penilaian pencapaian dan kemajuan murid dilaksana secara berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid. PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun.

PBD amat sesuai untuk mengukur kemajuan yang dicapai oleh MBK berkefungsian rendah di sepanjang proses PdP dengan mengambil kira faktor berikut:

- (i) Penggunaan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan dan sebagainya;
- (ii) Penggunaan pelbagai bahan bantu belajar berdasarkan keperluan individu murid;
- (iii) Kepelbagaian aras kognitif, pengetahuan dan kemahiran selari dengan potensi individu murid;

- (iv) Penyediaan ruang untuk MBK melakukan aktiviti dalam tempoh masa yang bersesuaian;
- (v) Pengiktirafan diberikan walaupun kecil;
- (vi) Penyediaan ruang untuk membolehkan MBK mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran secara holistik;
- (vii) Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi dan mengambil kira kemajuan intervensi; dan
- (viii) Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

Pentaksiran KSSMPK bagi MBK Berkefungsian Rendah memberi penekanan kepada pencapaian MBK dalam pembelajaran secara individu berdasarkan Tahap Penguasaan (TP) dalam Standard Prestasi (SPi). SPi yang diguna pakai bagi menentukan Pentaksiran KSSMPK bagi MBK Berkefungsian Rendah hanya melibatkan 3 TP: TP 1, TP 2 dan TP 3. Matlamat pentaksiran adalah untuk MBK berkefungsian rendah mempunyai kompetensi untuk berdikari dengan mampu berkomunikasi, mengurus diri, menjaga kesihatan dan keselamatan diri serta mempunyai kemahiran vokasional yang relevan.

PBD bagi KSSMPK Kefungsian Rendah mempunyai matlamat berikut:

- Mendapat maklumat status keupayaan dan potensi serta kelemahan MBK dalam pembelajaran agar guru dapat mengenal pasti strategi PdP yang bersesuaian;
- Mendapat maklumat mengenai cara MBK belajar dan melibatkan mereka dalam pembelajaran agar guru dapat menarik minat, tumpuan dan perhatian murid dalam pembelajaran;
- Membantu MBK untuk membina kemahiran menilai kelemahan dan kekuatan diri sendiri agar mereka boleh berusaha untuk meningkatkan keupayaan sendiri;
- Membantu MBK untuk memahami cara belajar dan membina strategi berkesan untuk belajar (*learning to learn*);
- Membantu mengesan tahap keyakinan diri MBK untuk berdikari;
- Membantu guru memantau kemajuan MBK dalam pelbagai aspek pembelajaran termasuk pencapaian akademik, kemahiran sosial, keupayaan mematuhi arahan, peraturan dan rutin dalam bilik darjah;
- Membantu guru dalam mengenal pasti kaedah instruksional yang bersesuaian dengan kepelbagaian potensi dan keperluan murid;

- Membantu guru dalam mewujudkan persekitaran dan budaya bilik darjah yang mengalakkan interaksi, komunikasi dan respons murid secara aktif semasa PdP; dan
- Membantu guru menambah baik kaedah, strategi dan bahan penilaian dalam menilai kefahaman dan kemahiran murid dengan lebih berkesan.

TAHAP PENGUASAAN UMUM

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat tiga tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 3 menunjukkan pernyataan tahap penguasaan umum bagi mata pelajaran teras dalam KSSMPK Kefungsian Rendah.

Jadual 3: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	MBK dapat memberi respons tentang pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dengan bimbingan.
2	MBK dapat menguasai cara dalam melakukan perkara asas tentang pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dengan bimbingan.
3	MBK dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dengan bimbingan.

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Guru boleh membuat pertimbangan profesional bagi menentukan TP keseluruhan murid berdasarkan pengalaman bersama-sama murid, kebijaksanaan dan intergriti guru serta perbincangan dengan rakan sejawat.


Kemajuan Dalam Aktiviti Intervensi

Aktiviti intervensi yang dirancang dalam RPI dilaksanakan secara bersepadu dengan aktiviti pembelajaran. Pencapaian dan kemajuan murid dalam aktiviti intervensi akan meningkatkan potensi MBK melalui perkembangan domain. Peningkatan perkembangan domain akan membantu meningkatkan kesediaan MBK untuk melalui proses pembelajaran dalam mencapai SP dan SPi yang telah disediakan. Sehubungan itu, laporan pencapaian intervensi tidak boleh digabungkan dalam pencapaian pembelajaran melalui SPi yang telah ditetapkan. Aktiviti intervensi dan pembelajaran (SK dan SP) boleh dijalankan secara bersepadu dan digabungjalinkan, namun laporan pencapaian kedua-dua aktiviti tersebut perlu menggunakan format berbeza.

Konsep pelaksanaan PBD yang memberi keutamaan kepada pencapaian dan kemajuan aktiviti sokongan intervensi untuk meningkatkan kesediaan MBK belajar adalah seperti di Rajah 4 di bawah. Matlamat aktiviti pembelajaran melalui mata pelajaran teras dan mata pelajaran kemahiran vokasional adalah keupayaan MBK untuk menguasai 3 tahap penguasaan yang telah ditetapkan. Sokongan aktiviti intervensi dan transisi akan berkurangan setelah perkembangan domain mereka ditingkatkan secara berterusan. Kemajuan murid dalam aspek perkembangan

domain yang direkodkan di dalam RPI akan meningkatkan kesediaan murid untuk melalui proses pembelajaran.

Pada akhir sesi pembelajaran sama ada pada pertengahan tahun atau akhir tahun, laporan pencapaian pembelajaran menggunakan 3 TP yang telah ditetapkan perlu dilaporkan menggunakan templat PBD yang disediakan. Walaupun aktiviti intervensi dilaksanakan secara bersepadu dalam aktiviti PdP, laporan akhir PBD adalah laporan penguasaan pembelajaran menggunakan 3 TP seperti yang digambarkan dalam Rajah 4.



Rajah 4: Konsep Pelaksanaan PBD Bagi KSSMPK Kefungsian Rendah

TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kandungan kurikulum ini disusun di bawah lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dicapai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 5 di bawah memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 5: Organisasi DSKP

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.</p>

Kandungan mata pelajaran Pendidikan Sahsiah disusun seperti berikut:

- (i) Standard kandungan (SK) 1.1 sehingga 7.1 perlu diajar kepada semua MBK yang mengambil Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Ketujuh-tujuh SK ini terdapat di dalam kedua-dua komponen Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

(ii) SK 8.1 sehingga 9.1 memberi penekanan kepada komponen Pendidikan Islam (MBK beragama Islam) dan Pendidikan Moral (MBK bukan Islam).

(iii) Kemahiran dalam setiap SK disusun mengikut Tahap I dan Tahap II yang menunjukkan peningkat kemahiran sendiri dan seterusnya melibatkan persekitaran dan masyarakat.

Pelaksanaan adalah mengikut peruntukan masa minimum jam setahun. Peruntukan masa ini membolehkan pelaksanaan PdP secara lebih fleksible

PENDIDIKAN ISLAM (TAHAP I & TAHAP II)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
1.1 Kemahiran Meningkatkan Perkembangan Fizikal.	Murid boleh:			Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Perkembangan fizikal dalam aspek umur, jantina, tinggi dan berat badan. • Tumbesaran fizikal mengikut tahap perkembangan alam kanak-kanak dan alam dewasa. • Kecergasan fizikal dalam konteks penjagaan badan, pemakanan seimbang dan tidur yang cukup. • Guru boleh menggunakan jadual perkembangan domain. • Guru berfokus kepada meningkatkan kesedaran murid dan disiplin diri. • RPI boleh memberi fokus kepada intervensi psikomotor.
	1.1.1 Mengenal perkembangan dan tumbesaran fizikal diri.	1	MBK dapat menyatakan status kecergasan fizikal mereka dengan bimbingan.	
	1.1.2 Memahami kesan perkembangan fizikal kepada perubahan pemikiran, emosi dan tingkah laku.	2	MBK dapat memberi respons tentang cara meningkatkan perkembangan fizikal diri dengan bimbingan.	
	1.1.3 Mengenal potensi diri dalam meningkatkan kecergasan fizikal.	3	MBK dapat melakukan aktiviti kecergasan fizikal dalam menjaga kesihatan tubuh badan.	
	1.1.4 Mengamalkan cara hidup sihat melalui kecergasan fizikal.			
1.1.5 Menjaga kesihatan tubuh badan dan kebersihan diri.				

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
2.1 Kemahiran Meningkatkan Perkembangan Sosial Emosi yang Sihat.	Murid boleh:			
	2.1.1 Mengenal pasti perasaan dan emosi positif serta negatif dalam pelbagai situasi.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang keadaan emosi mereka dalam pelbagai situasi.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • MBK perlu diberi sokongan untuk menghadapi perubahan perasaan dan emosi seperti kecewa, marah, sedih, malu, gelisah, ragu-ragu dan sebagainya. • Contoh strategi '<i>Social-emotional learning</i>' boleh membantu murid untuk memahami dan mengawal emosi, merasa empati dan membina hubungan serta membuat keputusan. • Kesenambungan aktiviti dalam bilik darjah dan di rumah • Aktiviti sosial contohnya '<i>visual story</i>'.
	2.1.2 Memahami gangguan perasaan dan emosi dalam pelbagai situasi.			
	2.1.3 Mengawal perasaan dan emosi negatif dalam kehidupan harian.	2	MBK dapat mengaplikasi kaedah mengawal emosi dalam pelbagai situasi dengan bimbingan.	
	2.1.4 Memahami perasaan dan emosi orang di sekeliling.			
2.1.5 Membina hubungan baik dengan ahli keluarga, rakan dan guru.	3	MBK dapat membina hubungan baik dengan orang di sekeliling dalam keadaan emosi yang baik.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
3.1 Kemahiran Meningkatkan Pembangunan Jati Diri dan Rohani.	Murid boleh:			
	3.1.1 Mengenal pasti kekuatan dan keupayaan diri.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang cara meningkatkan keupayaan dan jati diri.	Nota <ul style="list-style-type: none"> • Memahami amalan budaya dan agama. • Fokus kepada aktiviti di mana murid dan rakan serta ahli keluarga dapat berkongsi kisah suka duka atau tragedi. • Aktiviti drama dapat membantu murid melalui simulasi dan main peranan. Gabungan mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral Bahasa Melayu, Pendidikan Seni, Sains dan Pendidikan Jasmani.
	3.1.2 Menjaga hubungan baik dengan ahli keluarga, rakan, guru dan masyarakat.	2	MBK dapat menunjuk cara dan langkah dalam melakukan aktiviti meningkatkan keupayaan dan jati diri dengan bimbingan.	
3.1.3 Membina sikap dan amalan berbuat baik, bermurah hati, bersyukur dan saling bermaafan.	3	MBK dapat bersikap positif dan yakin diri dalam menjalani kehidupan harian.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
4.1 Kemahiran Meningkatkan Kesedaran Kendiri.	Murid boleh:			Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Modul transisi ke kerjaya boleh digunakan untuk aktiviti meningkatkan advokasi diri. • Modul <i>Lesson for Teaching Self-Awareness & Self-Advocacy</i>. • MBK dilatih untuk lebih peka dengan persekitaran samada melibatkan orang atau pelbagai keadaan serta situasi. • RPI berfokus kepada intervensi meningkatkan kekuatan kognitif MBK.
	4.1.1 Mengenal pasti tingkah laku positif dan negatif dalam pelbagai situasi.	1	MBK dapat menyatakan kesan tingkah laku positif dan negatif dalam pelbagai situasi dengan bimbingan	
	4.1.2 Memahami kesan tingkah laku positif dan negatif dalam kehidupan harian.	2	MBK dapat menunjuk cara bagi mengawal tingkah laku secara positif dan mengurangkan tingkah laku negatif dengan bimbingan.	
	4.1.3 Membina kesedaran tentang pengaruh daripada persekitaran.			
	4.1.4 Memahami respons secara fizikal dan lisan daripada persekitaran.	3	MBK dapat mengaplikasikan cara dalam meningkatkan advokasi diri mereka dalam kehidupan harian.	
4.1.5 Membina advokasi diri melalui diari peribadi.				

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
5.1 Kemahiran Meningkatkan Kemahuan Memperbaiki Diri Sendiri.	Murid boleh:			
	5.1.1 Mengenal pasti halangan dan kesukaran dalam melakukan rutin harian.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang kesukaran dalam rutin harian.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan modul <i>Adaptive Living Skills</i>. Murid perlu dilatih untuk membetulkan kesilapan mereka dalam pelbagai situasi seperti semasa makan, berpakaian, mengurus diri, menggunakan tandas dan sebagainya. Guru perlu mengutamakan disiplin diri dan tekal dalam melakukan aktiviti dan intervensi dengan mematuhi cara, langkah dan peraturan yang telah disediakan. Banyak menggunakan gambar / visual.
	5.1.2 Memahami kekuatan diri mereka dalam mengatasi kesukaran dalam melakukan rutin harian.			
	5.1.3 Memperbaiki kesilapan dalam melakukan rutin harian.	2	MBK dapat menunjuk cara mengatasi kelemahan diri dan memperbaiki kesilapan mereka dalam kehidupan harian dengan bimbingan.	
5.1.3 Mendisiplinkan diri dalam menyiapkan tugas dan melakukan rutin harian.				
	5.1.4 Membina keyakinan diri dalam menyiapkan tugas dan rutin harian.	3	MBK dapat mengaplikasikan cara dan kaedah dalam mendisiplinkan diri mereka untuk melakukan rutin harian dengan yakin diri.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
6.1 Kemahiran Meningkatkan Tanggungjawab Sosial.	Murid boleh:			
	6.1.1 Membina hubungan dengan ahli keluarga, rakan dan komuniti.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang tanggungjawab sosial.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Guru perlu menyediakan ruang dan peluang untuk MBK membina hubungan <ul style="list-style-type: none"> a) lawatan b) program bersama keluarga c) program kemasyarakatan • Aktiviti simulasi dan pembelajaran berasaskan projek memberi ruang untuk murid membuat keputusan.
	6.1.2 Mempertingkatkan interaksi sosial dengan rakan dan komuniti.	2	MBK dapat menunjuk cara bagaimana memenuhi tanggungjawab sebagai ahli keluarga, rakan dan komuniti setempat.	
	6.1.3 Memahami tanggungjawab sebagai ahli keluarga, murid dan rakan.			
	6.1.4 Melaksana tanggungjawab sebagai ahli keluarga, murid dan rakan.	3	MBK dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta bersikap positif dalam kehidupan harian.	
6.1.5 Melakukan kerja amal atau menjadi sukarelawan dalam komuniti kejurangan dan sekolah.				

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
7.1 Kesedaran Ke Alam Kerjaya	Murid boleh:			
	7.1.1 Mengenal pasti kecenderungan, minat dan potensi diri dalam kerjaya.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang minat dan pontensi diri jenis kerjaya.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Modul Transisi ke Kerjaya boleh digunakan oleh guru. • Sekolah mewujudkan kumpulan sokongan ibu-bapa. • Mendapatkan maklumat potensi kerjaya daripada Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya. • Menerokai bentuk pekerjaan: <i>Bengkel Terlindung & Supported Employment</i>
	7.1.2 Mengenal pasti jenis kerjaya.	2	MBK dapat menerangkan jenis kerjaya dengan bimbingan.	
	3	MBK dapat memadankan jenis kerjaya dengan minat dan pontensi diri.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
8.1 Kemahiran Mengerjakan Solat	Murid boleh: 8.1.1 Menyatakan 13 rukun solat. 8.1.2 Menamakan 5 solat fardu. 8.1.3 Mengamalkan solat fardu dalam waktunya.	1	MBK dapat menyatakan 13 rukun solat dan solat fardu dengan bimbingan.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Mengenalkan rukun solat • Aktiviti simulasi solat
		2	MBK dapat melakukan perkara asas solat yang dipelajari.	
		3	MBK dapat melakukan solat dengan tekal dalam kehidupan harian.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
9.1 Kemahiran Meningkatkan Kebersihan Diri	Murid boleh:			
	9.1.1 Menamakan jenis hadas.	1	MBK dapat menyatakan jenis hadas dengan bimbingan.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> Aktiviti simulasi bersuci hadas kecil dan hadas besar
	9.1.2 Menunjuk cara bersuci daripada hadas kecil dan hadas besar.	2	MBK dapat menunjuk cara bersuci dengan bimbingan.	
9.1.3 Mengamalkan bersuci daripada hadas kecil dan hadas besar dalam kehidupan harian.	3	MBK dapat melakukan cara bersuci dengan tekal dalam kehidupan harian.		

**PENDIDIKAN MORAL
(TAHAP I & TAHAP II)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
1.1 Kemahiran Meningkatkan Perkembangan Fizikal.	Murid boleh:			
	1.1.1 Mengenal perkembangan dan tumbesaran fizikal diri.	1	MBK dapat menyatakan status kecergasan fizikal mereka dengan bimbingan.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Perkembangan fizikal dalam aspek umur, jantina, tinggi dan berat badan. • Tumbesaran fizikal mengikut tahap perkembangan alam kanak-kanak dan alam dewasa. • Kecergasan fizikal dalam konteks penjagaan badan, pemakanan seimbang dan tidur yang cukup. • Guru boleh menggunakan carta perkembangan fizikal dan kognitif. • Guru berfokus kepada meningkatkan kesedaran murid dan disiplin diri. • RPI boleh fokus kepada intervensi psikomotor.
	1.1.2 Memahami kesan perkembangan fizikal kepada perubahan pemikiran, emosi dan tingkah laku.	2	MBK dapat memberi respons tentang cara meningkatkan perkembangan fizikal diri dengan bimbingan.	
	1.1.3 Mengenal potensi diri dalam meningkatkan kecergasan fizikal.			
	1.1.4 Mengamalkan cara hidup sihat melalui kecergasan fizikal.	3	MBK dapat melakukan aktiviti kecergasan fizikal dalam menjaga kesihatan tubuh badan.	
1.1.5 Menjaga kesihatan tubuh badan dan kebersihan diri.				

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
2.1 Kemahiran Meningkatkan Perkembangan Sosial Emosi yang Sihat.	Murid boleh:			
	2.1.1 Mengenal pasti perasaan dan emosi positif serta negatif dalam pelbagai situasi.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang keadaan emosi mereka dalam pelbagai situasi.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • MBK perlu diberi sokongan untuk menghadapi perubahan perasaan dan emosi seperti kecewa, marah, sedih, malu, gelisah, ragu-ragu dan sebagainya. • Contoh strategi '<i>Social-emotional learning</i>' boleh membantu murid untuk memahami dan mengawal emosi merasa empati dan membina hubungan serta membuat keputusan. • Aktiviti sosial contohnya <i>visual story</i>.
	2.1.2 Memahami gangguan perasaan dan emosi dalam pelbagai situasi.			
	2.1.3 Mengawal perasaan dan emosi negatif dalam kehidupan harian.	2	MBK dapat mengaplikasi kaedah mengawal emosi dalam pelbagai situasi dengan bimbingan.	
	2.1.4 Memahami perasaan dan emosi orang di sekeliling.			
2.1.5 Membina hubungan baik dengan ahli keluarga, rakan dan guru.	3	MBK dapat membina hubungan baik dengan orang di sekeliling dalam keadaan emosi yang baik.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
3.1 Kemahiran Meningkatkan Pembangunan Jati Diri dan Rohani.	Murid boleh:			
	3.1.1 Mengenal pasti kekuatan dan keupayaan diri.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang cara meningkatkan keupayaan dan jati diri.	Nota <ul style="list-style-type: none"> Memahami amalan budaya dan agama. Fokus kepada aktiviti di mana murid dan rakan serta ahli keluarga dapat berkongsi kisah suka duka atau tragedi. Aktiviti drama dapat membantu murid melalui simulasi dan main peranan. Gabungan mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral Bahasa Melayu, Pendidikan Seni, Sains dan Pendidikan Jasmani.
	3.1.2 Menjaga hubungan baik dengan ahli keluarga, rakan, guru dan masyarakat.	2	MBK dapat menunjuk cara dan langkah dalam melakukan aktiviti meningkatkan keupayaan dan jati diri dengan bimbingan.	
3.1.3 Membina sikap dan amalan berbuat baik, bermurah hati, bersyukur dan saling bermaafan.	3	MBK dapat bersikap positif dan yakin diri dalam menjalani kehidupan harian.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
4.1 Kemahiran Meningkatkan Kesedaran Kendiri.	Murid boleh:			
	4.1.1 Mengenal pasti tingkah laku positif dan negatif dalam pelbagai situasi.	1	MBK dapat menyatakan kesan tingkah laku positif dan negatif dalam pelbagai situasi dengan bimbingan	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Modul transisi ke kerjaya boleh digunakan untuk aktiviti meningkatkan advokasi diri. • Modul <i>Lesson for Teaching Self-Awareness & Self-Advocacy</i>. • MBK dilatih untuk lebih peka dengan persekitaran samada melibatkan orang atau pelbagai keadaan serta situasi. • RPI berfokus kepada intervensi meningkatkan kekuatan kognitif MBK.
	4.1.2 Memahami kesan tingkah laku positif dan negatif dalam kehidupan harian.			
	4.1.3 Membina kesedaran tentang pengaruh daripada persekitaran.	2	MBK dapat menunjuk cara dan aktiviti bagi mengawal tingkah laku positif dan mengurangkan tingkah laku negatif dengan bimbingan.	
	4.1.4 Memahami respons secara fizikal dan lisan daripada persekitaran.			
4.1.5 Membina advokasi diri melalui diari peribadi.	3	MBK dapat mengaplikasikan cara dalam meningkatkan advokasi diri mereka dalam kehidupan harian.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
5.1 Kemahiran Meningkatkan Kemahuan Memperbaiki Diri Sendiri.	Murid boleh:			
	5.1.1 Mengenal pasti halangan dan kesukaran dalam melakukan rutin harian.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang kesukaran dalam rutin harian.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan modul <i>Adaptive Living Skills</i>. Murid perlu dilatih untuk membetulkan kesilapan mereka dalam pelbagai situasi seperti semasa makan, berpakaian, mengurus diri, menggunakan tandas dan sebagainya. Guru perlu mengutamakan disiplin diri dan konsisten dalam melakukan aktiviti dan intervensi. dengan mematuhi cara, langkah dan peraturan yang telah disediakan. Banyak menggunakan gambar / visual.
	5.1.2 Memahami kekuatan diri mereka dalam mengatasi kesukaran dalam melakukan rutin harian.			
	5.1.3 Memperbaiki kesilapan dalam melakukan rutin harian.	2	MBK dapat menunjuk cara mengatasi kelemahan diri dan memperbaiki kesilapan mereka dalam kehidupan harian dengan bimbingan.	
5.1.3 Mendisiplinkan diri dalam menyiapkan tugas dan melakukan rutin harian.				
	5.1.4 Membina keyakinan diri dalam menyiapkan tugas dan rutin harian.	3	MBK dapat mengaplikasikan cara dan kaedah dalam mendisiplinkan diri mereka untuk melakukan rutin harian dengan yakin diri.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
6.1 Kemahiran Meningkatkan Tanggungjawab Sosial.	Murid boleh:			
	6.1.1 Membina dan menjaga hubungan dengan ahli keluarga, rakan dan komuniti.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang tanggungjawab sosial.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> • Guru perlu menyediakan ruang dan peluang untuk MBK membina hubungan <ol style="list-style-type: none"> a) lawatan. b) program bersama keluarga. c) Program kemasyarakatan. • Aktiviti simulasi dan pembelajaran berasaskan projek memberi ruang untuk murid membuat keputusan.
	6.1.2 Mempertingkatkan interaksi sosial dengan rakan sekelas.			
	6.1.3 Memahami tanggungjawab sebagai ahli keluarga, murid dan rakan.	2	MBK dapat menunjuk cara untuk memenuhi tanggungjawab sebagai ahli keluarga, rakan dan komuniti setempat.	
	6.1.4 Melaksana tanggungjawab sebagai ahli keluarga, murid dan rakan.			
6.1.5 Melakukan kerja amal atau menjadi sukarelawan dalam komuniti kejuruan dan sekolah.	3	MBK dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta bersikap positif dalam kehidupan harian.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
7.1 Kesedaran Ke Alam Kerjaya.	Murid boleh: 7.1.1 Mengenal pasti kecenderungan, minat dan potensi diri dalam kerjaya. 7.1.2 Mengenal pasti jenis Kerjaya.	1	MBK dapat memberi respons dengan bimbingan tentang minat dan pontensi diri jenis kerjaya.	Nota: a) Modul Transisi ke Kerjaya boleh digunakan oleh guru. b) Sekolah mewujudkan kumpulan sokongan ibu bapa. c) Mendapatkan maklumat potensi kerjaya daripada Jabatan Pembangunan OKU. d) menerokai bentuk pekerjaan: Bengkel Terlindung & <i>Supported Employment</i>
		2	MBK dapat menerangkan jenis kerjaya dengan bimbingan.	
		3	MBK dapat memadankan jenis kerjaya dengan minat dan pontensi diri.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
8.1 Kemahiran Membangunkan Kerohanian Melalui Agama Atau Kepercayaan	Murid boleh:			
	8.1.1 Menamakan kepelbagaian agama atau kepercayaan.	1	MBK dapat menyatakan agama dan kepercayaan dengan bimbingan.	Nota: a) Memahami amalan agama dan kepercayaan. b) Aktiviti drama dapat membantu murid melalui simulasi dan main peranan. c) Aktiviti berasaskan projek sukarelawan bagi memahami dan menghormati semua orang demi perpaduan.
	8.1.2 Mengenal pasti amalan dalam agama atau kepercayaan.			
8.1.3 Mengamalkan cara menghormati agama atau kepercayaan.	2	MBK dapat menerangkan amalan dalam agama dan kepercayaan dengan bimbingan.		
		3	MBK dapat menghormati agama atau kepercayaan dalam kehidupan harian.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	CATATAN / AKTIVITI
9.1 Kemahiran Menghargai Keluarga.	Murid boleh: 9.1.1 Menyatakan cara berterima kasih kepada ahli keluarga mengikut situasi. 9.1.2 Menzahirkan perasaan apabila berterima kasih kepada ahli keluarga. 9.1.3 Mengamalkan sikap berterima kasih dalam keluarga.	1	MBK dapat menyatakan cara berterima kasih dengan bimbingan.	Nota: a) Memahami cara berterima kasih. b) Aktiviti drama cara berterima kasih.
		2	MBK dapat menunjuk cara sikap berterima kasih dengan bimbingan.	
		3	MBK dapat mengamalkan sikap berterima kasih dalam kehidupan harian.	

PANEL PENGGUBAL

- | | | |
|----|-------------------------------|--------------------------------|
| 1. | Paizah binti Zakaria | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. | Fadhlinasri bin Yusop | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. | Siti Halijah binti Abd Karim | SK Seri Indah, Kuala Lumpur |
| 4. | Balasubramaniam a/l Muthusamy | SMK Kampong Jawa, Klang |
| 5. | Ahmad Fikri bin Darus | SMK Tiara Permai, Kuala Lumpur |
| 6. | Norain binti Hussain | SMK Desa Perdana Kuala Lumpur |

PENGHARGAAN**Penasihat**

- | | |
|---------------------------|---|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - Pengarah |
| Mazlan bin Samsudin | - Timbalan Pengarah Kanan Dasar & Sains Teknologi |

Penasihat Editorial


- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah Binti Syed Khalid
Nur Fadia Binti Mohamed Radzuan
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin

Pereka Grafik

Siti Zulikha Binti Zelkepli



**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>